

Pakar syor bayar gaji dua kali sebulan

» *Bantu kakitangan awam urus perbelanjaan isi rumah*

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

► Kuala Lumpur


Ahli ekonomi mengesyorkan kerajaan mempertingkatkan pembayaran gaji dua kali sebulan kepada penjawat awam, khususnya kelompok gaji terendah bagi membantu mereka menguruskan perbelanjaan dan aliran tunai isi rumah untuk menghadapi kenaikan kos sara hidup.

Cadangan itu dilihat berupaya membantu mengurangkan tekanan kewangan pekerja ekoran ketidaktentuan ekonomi negara.

Profesor Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa, berkata seeloknya kerajaan mengkaji memperkenalkan pembayaran gaji setiap dua minggu seperti dilaksanakan di kebanyakan negara maju.

“Jika tidak berupaya membayar gaji setiap dua minggu, saya sarankan gaji dibayar dua ansuran sebulan kerana ia memberi kebaikan dari segi pengurusan kewangan, khususnya dalam mengatasi tekanan perbelanjaan harian.

“Lebih penting, pekerja dalam kelompok gaji terendah tidak per-



Pembayaran gaji dua kali sebulan **mampu meningkatkan prestasi kakitangan.**

[FOTO HIASAN]



Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa

lu menunggu lama untuk menikmati aliran tunai dan mereka tidak terdesak meminjam daripada peminjam wang tidak berlesen,” katanya.



Barjoyai Bardai

Syed Azizi Wafa yang juga Ahli Jawatankuasa Kluster Ekonomi dan Pengurusan, Majlis Profesor Negara, berkata walaupun beliau mencadangkan sistem gaji itu un-

tuk penjawat awam yang berada dalam kelompok gaji terendah, sistem gaji dua kali sebulan sebenarnya wajar dilaksanakan di semua peringkat.

Bantu mula menyimpan

Sementara itu, Pengarah Program Global MBA Universiti Tun Abdul Razak (UniRazak), Prof Dr Barjoyai Bardai, berkata langkah membayar gaji dua kali ansuran sebulan mungkin boleh membantu pekerja memulakan aktiviti menyimpan.

Bagaimanapun, katanya, langkah itu hanya berkesan jika pekerja mempunyai disiplin tinggi dengan tidak berbelanja lebih daripada gaji yang diterima.

Beliau berkata, kaedah terbaik

mengurangkan beban pekerja adalah dengan mewujudkan peluang kepada golongan itu memperoleh pendapatan lebih, termasuk menyediakan tapak gerai dan memudahkan urusan pelesenan perniagaan.

Cadangan pembayaran gaji dua kali sebulan pernah dikemukakan pada tahun 2008 untuk membantu mengurangkan tekanan kewangan pekerja ekoran ketidaktentuan ekonomi negara ketika itu, namun tidak dilaksanakan akibat bantahan sebahagian besar kakitangan awam dan CUEPACS.

Menerusi kaedah dicadang ketika itu, gaji akan dibayar pada pertengahan dan hujung bulan, dengan semua potongan seperti cukai pendapatan dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dibuat daripada gaji hujung bulan.

Dekan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Prof Dr Shazali Abu Mansor, bagaimanapun berpendapat cadangan itu kurang praktikal kerana kebanyakan golongan berpendapatan rendah membelanjakan separuh daripada gaji untuk melangsangkan hutang, termasuk hutang kereta dan rumah.

“Dibimbangi akhir bulan nanti, tiada gaji yang tinggal untuk menjelaskan hutang kereta dan rumah,” katanya.

Untuk komen,
hantar e-mel menerusi
bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook
BH Online